

10 JUL 2000

Ling-MAS/I

MAS AKAN KAJI KEMUNGKINAN JALANKAN PERKHIDMATAN KE OKAYAMA

KUALA LUMPUR, 10 Julai (Bernama) -- Kerajaan sudah meminta Penerbangan Malaysia (MAS) mengkaji kemungkinan menyediakan perkhidmatan penerbangan ke Okayama di Jepun sebagai usaha memperbaiki hubungan perniagaan dan mempromosikan pelancongan antara Malaysia dan Jepun.

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata cadangan itu dibuat oleh Gabenor wilayah Okayama, Masahiro Ishii yang mengunjungi Dr Ling di pejabatnya di sini hari ini.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas mesyuarat yang turut dihadiri oleh para pegawai MAS, Dr Ling berkata Ishii yang mewakili Lapangan terbang Okayama meminta MAS mengembangkan perkhidmatannya dari Kuala Lumpur ke Fukuoka untuk turut meliputi Okayama.

Delegasi 15 anggota Ishii itu membabitkan para pegawai kanan kerajaan dan pemimpin perniagaan.

Dr Ling berkata penerbangan MAS kini membawa 58 peratus muatan kargo dan penumpang bagi sektor Kuala Lumpur dan Fukuoka.

"Kami mungkin mencapai 100 peratus atau sekurang-kurangnya 90 peratus muatan jika kami meneruskan penerbangan dari Fukuoka ke Okayama," katanya.

Katanya pihak berkuasa Okayama telah menawarkan MAS rundingan yang sangat menarik yang termasuk diskaun bagi caj pendaratan, bantuan kewangan bagi promosi penerbangan ke Okayama dan subsidi caj pengangkutan kargo dari Okayama ke bandaraya lain seperti Kyoto dan Kobe.

Dr Ling berkata pada tahun 1998, MAS memutuskan untuk terbang ke Okayama tetapi malangnya rancangan untuk terbang dua kali seminggu ke destinasi berkenaan diketepikan akibat kemelesetan ekonomi.

"Kami sudah meminta MAS mengkaji daya maju cadangan oleh Kerajaan Wilayah Okayama ini kerana secara dasarnya kita sudah meluluskan langkah itu dua tahun lepas," katanya.

Delegasi dari Okayama itu juga akan mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tengah hari esok sebelum pulang ke Jepun pada sebelah malam.

-- BERNAMA

MLS/ES LAT